



UKK/600-01/05 (92)

SIARAN MEDIA

HADIAH DARI ASEAN: MERAIKAN DIPLOMASI SERANTAU MELALUI SENI VISUAL

20 FEBRUARI 2025 - Balai Seni Negara menganjurkan *Pameran Hadiah Dari ASEAN*, yang akan berlangsung bermula **17 Februari hingga 31 Julai 2025**, bersempena dengan **Kepengerusian ASEAN** tahun ini. Pameran yang julung kali diadakan ini mempamerkan koleksi hadiah karya seni dari negara anggota ASEAN serta ASEAN+6, termasuk Korea Selatan, Jepun, China, dan India.

Hadiah Dari ASEAN mempamerkan **33 karya seni** yang dihadaiahkan kepada Malaysia antara tahun **1960 hingga 2009**. Terdahulu, karya-karya ini pernah dipamerkan dalam pameran seni antarabangsa di Balai Seni Negara, merangkumi pelbagai bentuk, medium, dan saiz, hasil daripada kreativiti seniman antarabangsa yang kini menjadi sebahagian daripada Koleksi Tetap Negara.

Pameran ini menekankan peranan seni dalam memperkukuh diplomasi budaya serta menyokong aspirasi ASEAN 2025 dalam mempromosikan perpaduan dalam kepelbagaian. Setiap karya yang dipamerkan bukan sekadar hasil seni, malah menjadi simbol hubungan erat antara negara-negara ASEAN dan rakan serantau. Ia mencerminkan warisan budaya yang dikongsi bersama, sekali gus menyumbang kepada perkembangan seni visual di peringkat antarabangsa.

Pameran ini menghimpunkan karya-karya seniman terkemuka dari **Malaysia termasuk Lim Nan Seng, Mii bin Awas, Aw Eng Kwang, Chang Yong Chia, Amir B. Tadok, Ahmad B. Kassim, Linggam, dan Abil B. Manan**. Dari negara jiran, **Indonesia**, dipamerkan karya **Nurdian Ichsan**, sementara **Singapura Ahmad Abu Bakar dan Thomas Cheong Kah Ho**.

Karya seniman dari Thailand, Jepun, Korea, China, dan India juga dipamerkan, iaitu karya oleh **Suebpong Powthai, Supphaka Palprame, Sayumporn Kasornsuwan, dan Wanna Thitamma** dari Thailand; **Akito Morino, Keiichi Ito, Hideo Matsumoto, dan Masakazu**

Hoki dari Jepun; Myung-Ah Lee, Ui Sun Joung, Dong-Hoi Kim, Dae-Soo Lee, Han-Won Lee, Byung-Ho Seo, Bok-Ja Won, Sun-Woo Park, Chung-Hwi Cho, Byoung-Kwoun Park, dan Young-Shick Kwon dari Korea; Zheng Ning dari China; serta Gurjinder Kaur dan Goutam Das dari India.

Hadiah Dari ASEAN memperkukuh peranan Malaysia sebagai pusat budaya dan diplomasi serantau, dengan memaparkan keindahan serta kepelbagaian seni dari negara-negara anggota. Sebagai tuan rumah bagi ASEAN 2025, Malaysia sentiasa komited dalam menyediakan platform yang menggalakkan pertukaran seni, menonjolkan nilai-nilai bersama, serta memperkukuh hubungan sejarah yang telah lama terjalin. Karya-karya yang dipamerkan bukan sahaja dilihat mampu untuk memperkaya naratif seni, tetapi juga menggambarkan kepelbagaian tradisi dan perkembangan seni kontemporari yang pesat di rantau ini.

Orang ramai dijemput untuk mengunjungi Balai Seni Negara dan menerokai naratif seni yang terdapat dalam pameran ***Hadiah Dari ASEAN*** yang dibuka setiap hari sehingga **31 Julai 2025** bermula jam 9.00 pagi sehingga 5.00 petang. Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari laman sesawang www.artgallery.gov.my.

Dikeluarkan:

Unit Komunikasi Korporat

BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my